



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 01/2007

Kepada  
Semua Pengarah Kampus / Dekan Fakulti  
Ketua Bahagian / Ketua Pusat / Ketua Unit  
Universiti Teknologi MARA

*.Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Yang Berbahagia Dato' /Datin / Prof. / Dr. / Tuan / Puan

### TAWARAN BIASISWA STAF PENTADBIRAN PERINGKAT SARJANA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA BAGI TAHUN 2007

Staf pentadbiran Universiti Teknologi MARA yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan adalah dipelawa untuk memohon Biasiswa Staf Pentadbiran UiTM bagi tahun 2007 bagi mengikuti kursus Ijazah Sarjana dalam bidang pengajian berikut:-

**Peringkat** : **Ijazah Sarjana**  
**Bidang Pengajian** : **Executive Masters Of Administrative Science (EMAS)**

Semua permohonan perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan berikut:-

1. Warganegara Malaysia;
2. Berjawatan Tetap;
3. Tarikh berkhidmat dengan Universiti MARA (UiTM) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan telah disahkan dalam jawatan semasa memohon;
4. Umur tidak melebihi **35 tahun** sewaktu memohon;
5. Bidang pengajian atau kursus yang diikuti adalah seperti diiklankan; dan
6. Mempunyai purata kelulusan CGPA 3.00 sewaktu Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) sebagaimana yang disyaratkan untuk kemasukan ke kursus yang berkenaan.

#### CARA-CARA MEMOHON:-

Permohonan adalah secara 'on-line' dengan melayari web portal i-staff di <http://pendaftar.uitm.edu.my/istaf> atau laman web rasmi UiTM di <http://www.uitm.edu.my> di bawah menu portal i-staff.

Sebarang permohonan yang dibuat tanpa melalui e-Biasiswa TIDAK AKAN DIPROSES.

TARIKH TUTUP : 25 JANUARI 2007.

Untuk makluman, tarikh tutup permohonan ialah pada 25 Januari 2007. Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 03-55443100, 3106, 3182, 3101.

Kerjasama adalah dipohon daripada Y.Bhg. Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan untuk menyebarkan pekeliling ini kepada staf pentadbiran yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



**DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR**  
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(PT/PTD 6/3)  
Tarikh : Januari 2007